



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

TIADA KENAIKAN TOL BAGI 14 LEBUHRAYA TAHUN 2014

Kementerian Kerja Raya, akan mengadakan perjumpaan dengan syarikat-syarikat Konsesi dalam masa terdekat untuk membincangkan lebih lanjut berhubung penemuan dan cadangan Jawatankuasa Khas Kabinet yang dipengerusikan YAB Timbalan Perdana Menteri mengenai isu tol.

Sepertimana yang dimaklumkan terdahulu, terdapat sejumlah 29 lebuhraya yang kini beroperasi. Daripada jumlah ini, **14 lebuhraya yang sepatutnya mendapat kenaikan kadar tol pada 2014**. Berikutan keputusan tiada kenaikan tol pada tahun ini, syarikat konsesi layak mendapat pampasan yang dianggarkan **sejumlah RM400 juta**. Kementerian Kerja Raya akan membuat kajian menyeluruh berhubung konsesi tol sedia ada dalam konteks jangka panjang, dengan mengkaji terma-terma yang boleh dipersetujui bersama dengan pihak konsesi dan memperincikan beberapa opsyen seperti penstrukturan semula kadar tol dengan mengambilkira kos operasi, kos penyelenggaraan, jumlah trafik, keuntungan atau kerugian syarikat dan kemudahan-kemudahan yang disediakan bagi keselesaan dan keselamatan pengguna lebuhraya.

Dengan itu Kementerian Kerja Raya akan mengadakan rundingan bersama-sama dengan Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan, Jabatan Peguam Negara dan Lembaga Lebuhraya Malaysia, serta dengan semua syarikat konsesi bagi mencari kaedah penyelesaian jangka pendek, sederhana dan jangka panjang berkait dengan lebuhraya dan bagaimana kita dapat memberi pakej yang 'menang-menang' kepada semua pihak yakni Kerajaan, rakyat, syarikat, pelabur dan pemberi pinjaman.

Untuk makluman 14 lebuhraya yang **tiada kenaikan tol** bagi tahun 2014 adalah:

1. Lebuhraya Bertingkat Ampang Kuala Lumpur (AKLEH)
2. Lebuhraya Skim Penyuraian Trafik KL Barat (SPRINT)
3. Lebuhraya Baru Pantai (NPE)
4. Lebuhraya Storm Water Management and Road Tunnel (SMART)
5. Lebuhraya Penyuraian Trafik Lingkaran Kajang (SILK)
6. Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP)
7. Lebuhraya Kajang-Seremban (LEKAS)
8. Lebuhraya Senai-Desaru (SDE)
9. Lebuhraya Shah Alam-Kuang (GCE)
10. Lebuhraya Lembah Klang Selatan (SKVE)
11. Lebuhraya Sungai Besi (BESRAYA)
12. Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth (BORR)
13. Lebuhraya Kuala Lumpur-Putrajaya (MEX)
14. Lebuhraya Duta Ulu Kelang (DUKE)

YB. DATUK HJ. FADILLAH YUSOF
MENTERI KERJA RAYA

6HB. FEBRUARI, 2014

3.00 PETANG